

TELEFON PINTAR: PENGARUH TERHADAP REMAJA

Sulaiman Salleh

sulaiman@kuis.edu.my

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, KUIS

ABSTRAK

Kajian “Telefon Pintar: Pengaruh Terhadap Remaja” berkaitan media sosial yang dikatakan berupaya menjadi agen perubahan dan agen sosialisasi. Golongan ini seharusnya diberikan hak perlindungan yang sewajarnya untuk memastikan mereka tidak terkesan daripada kesan buruk media sosial. Hari ini, telefon pintar saiznya kecil dan boleh dilayari internet di tempat dan ruang yang terhad serta kos yang rendah, serendah RM20 sebulan. Disebabkan faktor saiznya serta kos melayarinya yang rendah sukar ibu bapa atau ahli keluarga memantau remaja melayari internet melalui telefon pintar. Pelbagai bahan di internet kebanyakannya tidak sesuai dengan diri remaja yang mudah terpengaruh apa sahaja yang dipaparkan di skrin telefon pintar mereka. Berdasarkan Teori Keterhampiran Elektronik, dilihat berupaya untuk menerangkan, menjelaskan, menilai, membuat ramalan supaya kita dapat memahami fenomena yang dikaji. Seterusnya, melihat pengaruh telefon pintar terhadap remaja, mengesan strategi, kaedah, teknik dan cara yang digunakan untuk pengaruhi remaja melalui telefon pintar dan cadangan kaedah yang sesuai mengurangkan pengaruh telefon pintar terhadap remaja.

Kata Kunci: Pengaruh, Remaja.

1.0 PENGENALAN

Beberapa dekad yang lalu, masyarakat dunia digembar-gemburkan dengan kesan buruk penggunaan komputer peribadi (PC) terhadap kanak-kanak dan remaja. Malah, perbincangan mengenainya masih dan terus diperbincangkan hingga kini, seolah-olah tiada titik noktahnya.

Hari ini, perbincangan mengenai kesan buruk internet terhadap golongan terbabit dihangatkan lagi apabila telefon pintar pula semakin canggih dan fungsinya seolah-olah hampir sama seperti komputer peribadi. Selain fungsinya hampir menyamai komputer peribadi, harganya juga lebih murah hingga kurang separuh berbanding komputer peribadi berkenaan.

Awal remaja dikategorikan mereka yang berusia 12 hingga 15 tahun. Pada usia sedemikian mereka mudah sensitif terhadap paras rupa dan perubahan fizikal yang dialami serta boleh berfikir secara abstrak, logikal dan sistematik. Seterusnya memasuki alam lewat remaja pada usia 15 hingga 20 tahun. Pada usia ini kebiasaannya remaja mengadakan hubungan yang rapat dengan rakan sebaya dan keinginan berdikari.

Melihatkan kepada perkembangan pada awal dan remaja sedemikian, paparan di media sosial melalui telefon pintar seharusnya sesuai dengan moral negara ini. Pengisian sedemikian amat diperlukan supaya golongan remaja tidak mudah terpengaruh dengan unsur-unsur yang tidak sesuai dengan moral masyarakat negara ini.

1.1 EVOLUSI TELEFON PINTAR

Telefon pintar yang diperkenalkan pada tahun 1998 ini mula berevolusi sekitar tahun 1667 apabila Robert Hooke buat kali pertama mencipta telefon tali untuk menyampaikan isyarat getaran yang dihantarnya.

Penemuan Robert Hooke itu diteruskan pada tahun 1753 apabila Charles Morrison mendapati bahawa elektrik berupaya menghantar mesej dengan menggunakan wayar. Seterusnya, pada tahun 1830, seorang saintis bernama Joseph Henry mencipta sistem telegraf yang menggunakan kuasa elektrik. Alat komunikasi berkenaan berupaya membunyikan loceng jika elektromagnetiknya diaktifkan.

Perkembangan alat komunikasi yang dilihat berpontensi dimajukan dan canggih di masa itu dibantu oleh ramai saintis lain antaranya, Samual Morse (1835); Alexander Bain (1842); Antonio Meucci (1849); Samuel Morse (1850); Charles Bourseul (1854); Johann Philipp Reis (1860); Elisha Gray (1872); Thomas Alva Edison (1873); Gray (1874); Dr Arthur Korn (1902); dan Edouard Belin (1914).

Kajian dan usaha bersungguh-sungguh saintis terbabit dalam memajukan alat komunikasi ini membolehkannya bermanfaat dan memberi banyak keselesaan dan kesenangan dalam mendapatkan dan menyampaikan maklumat. Penggunaan telefon tanpa wayar (telefon bimbit) diperkenalkan sekitar tahun 1966 iaitu apabila sistem penyampaian radio melalui satelit diperkenalkan, tetapi ia untuk golongan tertentu sahaja.

Penggunaan telefon tanpa wayar dikomersialkan sekitar tahun 1970-an. Telefon tanpa wayar ini terus berevolusi apabila telefon pintar mula diperkenalkan pada tahun 1998. Hari ini, telefon pintar yang mempunyai sambungan ke internet terdapat unsur-unsur keburukan, godaan, malah kebaikan jika ianya dimanfaatkan.

Teknologi telefon pintar yang berkembang pesat masa kini mempunyai keberkesanan, mudah dicapai, dilayari serta ruang yang lebih kecil berbanding komputer riba.

2.0 PERMASALAHAN KAJIAN

- i. Telefon pintar saiznya kecil dan boleh dilayari internet di tempat dan ruang yang terhad serta kos yang rendah, serendah RM20 sebulan.
- ii. Disebabkan faktor saiznya serta kos melayarinya yang rendah sukar ibu bapa atau ahli keluarga memantau remaja melayari internet melalui telefon pintar.
- iii. Pelbagai bahan di internet kebanyakannya tidak sesuai dengan diri remaja yang mudah terpengaruh apa sahaja yang dipaparkan di skrin telefon pintar mereka.

2.1 Tujuan Kajian

Kajian ini dilakukan adalah untuk:

- i. Melihat pengaruh telefon pintar terhadap remaja.
- ii. Mengesan strategi, kaedah, teknik dan cara yang digunakan untuk pengaruhi remaja melalui telefon pintar.
- iii. Cadangan kaedah yang sesuai mengurangkan pengaruh telefon pintar terhadap remaja.

3.0 TAKRIFAN KONSEP

Pengaruh bermaksud kuasa yang terbit daripada orang (benda dan lain-lain) atas orang (benda dan lain-lain) lain, kekuatan batin (ghaib dan lain-lain) yang meninggalkan kesan pada orang lain (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2015). Remaja ialah golongan yang mulai dewasa, sudah akil baligh, sudah cukup umur untuk berkahwin (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2015).

3.1 Model Dan Teori Komunikasi

Teori komunikasi dapat digunakan untuk menerangkan, menjelaskan, menilai, membuat ramalan supaya kita dapat memahami fenomena komunikasi. Terdapat beberapa teori komunikasi yang dilihat sesuai untuk mengaitkan “Telefon Pintar: Pengaruh Terhadap Remaja” ini. Bagaimanapun, penyelidikan berpandangan penggunaan teori keterhampiran elektronik lebih sesuai dengan kajian yang dilakukan ini.

3.2 Teori Keterhampiran Elektronik

Menurut Saodah Wok, Narimah Ismail & Mohd Yusof (2003), media komunikasi berbeza dalam aspek kekayaan informasi atau maklumat. Banyak pilihan media yang dapat digunakan, dan akan dijelaskan dalam ‘Teori Keterhampiran Elektronik’. Teori yang dihasilkan oleh Korzenny pada tahun 1978 dan 1981 ini memberi gambaran keterhampiran corak dan pola komunikasi antara perseorangan melalui penggunaan media elektronik, termasuklah telefon pintar.

Dikatakan, jarak antara individu tidak menjadi penghalang untuk mereka berkomunikasi kerana ianya berupaya diambil-alih oleh saluran terbuka yang berupaya digunakan dengan dimasukkan simbol-simbol komunikasi.

“Teknologi turut merapatkan jarak dan jurang, menjadikan kita begitu dekat di minda, hati dan sanubari.”

4.0 HASIL KAJIAN

Kajian yang dilakukan menemui beberapa hubungan yang nyata di antara telefon pintar dan remaja. Penemuan-penemuannya adalah seperti berikut:

4.1 Hubungan telefon pintar dan Media Sosial

Pada hari ini, golongan remaja amat mudah terdedah dengan media sosial yang boleh dilayari dengan pelbagai cara terutamanya melalui telefon pintar. Pengisian di media sosial setiap masa terus dimasukkan pelbagai maklumat dan kandungan yang berupaya menyumbang kepada perkembangan personaliti remaja, samada berbentuk baik atau sebaliknya.

Maklumat yang diperolehi samada melalui bacaan atau menonton visual yang ditayangkan berupaya mempengaruhi minda golongan berkenaan. Kesannya, golongan itu akan mudah terikut-ikut dan cuba mengadaptasi idea tersebut ke dalam diri mereka.

Pengadaptasian berkenaan berkaitan sikap remaja yang sering mahukan atau mengimpikan impiannya menjadi kenyataan melalui *role model* yang dirasakan sesuai dengan dirinya. Permasalahan sering timbul apabila *role model* yang menjadi ikutannya mempunyai budaya yang tidak sesuai dengan masyarakat negara ini.

4.2 Role Model

Setiap kanak-kanak sering berimajinasi dan berangan-angan sepanjang tempoh pembesarannya menjadi remaja. Apabila sudah remaja, segala yang diimpikan diharapkan menjadi suatu kenyataan. Mencari satu *role model* adalah cara yang sering digunakan oleh remaja untuk membolehkan impiannya dapat dijadikan satu realiti.

Contohnya, jika impian mereka hendak menjadi seorang artis yang popular dengan digemari ramai, diperlukan di masa itu adalah artis yang sedang popular serta digemari ramai di masa itu. *Role model* berkenaan juga diharapkan berupaya menjadikan dirinya dikagumi oleh rakan-rakan sebayanya.

Bagaimanapun, apakah yang akan terjadi jika terdapat *role model* dalam sesuatu media sosial tidak sesuai dengan budaya masyarakat negara ini? Persoalan demikianlah yang sebenarnya kerap dibimbangi oleh kebanyakan pemimpin masyarakat dan keluarga yang mempunyai anak remaja.

4.3 Pencemaran Budaya

Pencemaran budaya kesan media sosial dikaitkan dengan sejauh manakah ianya pengaruhi pemikiran, nilai dan budaya di kalangan sesuatu kelompok masyarakat. Ianya juga dapat dilihat dari kaedah serta keagresifan, kekreatifan dari segi penyampaiannya.

Kaedah terbaik mengatasi pencemaran budaya berkenaan adalah golongan berkenaan haruslah disajikan dengan program-program berfaedah di media sosial. Semua pihak daripada diri remaja itu sendiri, ibu bapa, golongan pendidik hingga pemimpin harus berusaha memastikan golongan terbabit mendapat sajian program yang sesuai.

Contohnya, masyarakat sering diingatkan memelihara identiti budaya bangsa terhadap seni, hiburan tempatan, filem tempatan dan sebagainya. Peranan berkenaan bukan hanya kepada masyarakat tetapi semua pihak yang dinyatakan sebelum ini.

Pencemaran budaya kesan media sosial harus dilihat sebagai sesuatu yang perlu diatasi kerana ianya berupaya membantutkan usaha menjaga keamanan negara.

4.4 Aliran Informasi Tidak Seimbang

Bukan sahaja permasalahan berkenaan, kesan buruk terhadap budaya tempatan yang berpunca aliran informasi yang berat sebelah juga sering berlaku dan terus mengelirukan golongan remaja berkenaan. Informasi yang berat sebelah berupaya mengelirukan persepsi, interpretasi serta pandangan penonton mengenai sesuatu isu yang disiarkan di media sosial.

Seperti mana media baru, media sosial juga berupaya menjadi agen perubahan dan agen sosialisasi bagi membantu golongan yang mudah menjadi sasaran kesan globalisasi ini. Golongan remaja bakal menjadi pelapis pemimpin negara. Seharusnya, golongan ini diberikan hak perlindungan yang sewajarnya untuk memastikan mereka tidak terkesan daripada kesan buruk media sosial.

5.0 PENUTUP DAN CADANGAN

Hasil kajian yang dilakukan mendapati terdapat hubungan pengaruh yang jelas antara telefon pintar dengan media media. Pengaruh *role model*, pencemaran budaya kesan daripadanya serta aliran informasi tidak seimbang yang bercanggah dengan budaya masyarakat negara ini, sering terdapat dalam media sosial dengan menggunakan medium telefon pintar terutamanya.

Penyelidik berpandangan ibu bapa atau penjaga kepada remaja memainkan peranan paling penting dalam mengawal pengaruh negatif telefon pintar terhadap remaja. Ibu bapa atau penjaga kepada remaja harus:

- i. Meningkatkan kefahaman, penggunaan dan memahami batasan teknologi komunikasi ini.
- ii. Memantau dan mengawal aktiviti penggunaan telefon pintar adalah cara terbaik mencegah anak-anak mereka terutamanya berusia remaja melayari laman sesawang yang tidak berfaedah atau mengandungi unsur-unsur keburukan.
- iii. Memberikan hiburan yang sesuai kepada anak-anak selain daripada hiburan di internet yang boleh dilayari melalui telefon pintar.
- iv. Memberikan sukan yang sesuai kepada anak-anak selain daripada sukan yang sering berbentuk permainan video di internet yang boleh dilayari melalui telefon pintar.
- v. Menambahkan ilmu berkaitan. Contohnya terdapat perisian yang berupaya menyekat anak-anak mereka melayari laman ganas atau mengandungi unsur-unsur lucah.

Selain itu, komuniti setempat juga harus memainkan peranan yang sewajarnya dengan membanyakkan aktiviti luar di kawasan sekitarnya. Masyarakat dan pemerintah juga harus memainkan peranan dengan menyediakan ruang serta tempat yang sesuai untuk komuniti melaksanakan aktiviti yang dirancang seperti bersukan dan berhibur yang sesuai dengan komuniti, masyarakat serta rakyat negara ini.

Tanpa pengisian terbabit, dibimbangi golongan remaja terutamanya akan beralih kepada sukan dan hiburan yang tidak sesuai dengan budaya masyarakat di negara ini. Pengisian program-program seperti itu harus dilihat sebagai keperluan untuk menghindari golongan remaja melayari serta terpengaruh dengan budaya luar yang tidak sesuai dengan masyarakat negara ini.

RUJUKAN

- Al-Quran, (2000). *Mushaf Malaysia Rasm Uthmani*. Terjemahan Sheikh Abdullah Basmeih. Penerbitan Darulfikir: Kuala Lumpur.
- Chamil Wariya (2017). *Krisis dan Strategi: Isu-isu Semasa Kewartawanan dan Media*. Malaysia Press Institute: Kuala Lumpur.
- Jas Laile Suzana Jaafar (2002). *Psikologi Kanak-kanak & Remaja*. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, edisi keempat, (2015). Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- Kamarulzaman Kamaruddin (2009). *Psikologi Perkembangan: Panduan Untuk Guru*. Universiti Pendidikan Sultan Idris: Perak.
- Prof. Madya Dr. Saodah Wok, Dr. Narimah Ismail, Prof. Dr. Mohd. Yusof Hussain (2003). *Teori-teori Komunikasi*. PTS Publications & Distributors Sdn Bhd.: Pahang.
- Prof. Dr. Mohamad Fauzan Noordin (2016). *ICT dan Islam*. PTS Akademia: Selangor.
- Salasiah Hanim Hamjah, (2016). *Dakwah dan Perubahan Sosiobudaya*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia: Bangi.